

Skim tarik lebih ramai pengunjung ke KL

KUALA LUMPUR - Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melancarkan program Geran KL Kreatif dan Cabaran Urban KL Kreatif sebagai usaha menarik lebih ramai pelawat datang ke pusat bandar.

Ia merupakan sebahagian aktiviti dalam memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak yang memfokuskan usaha peremajaan pusat bandar Kuala Lumpur (KL).

Pengarah Urusan Think City, Hamdan Abdul Majeed berkata, pelbagai skim KL Kreatif dibangunkan bagi mewujudkan persekitaran berunsurkan kebudayaan, perniagaan kreatif, syarikat pemula, inovasi dan penyelidikan.

Menurutnya, geran berkenaan menawarkan sokongan kewangan, sumber dan peluang kepada individu atau organisasi yang menyumbang kepada pertumbuhan pusat bandar KL sebagai sebuah destinasi dinamik dalam sektor kreatif dan budaya.

Beliau berkata, sejumlah RM15 juta yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2023 akan menjadi pemangkin usaha pemulihan dan peremajaan pusat bandar Kuala Lumpur serta kawasan sekitarnya.

"Ia juga membantu menangani beberapa isu yang berkaitan untuk

menjadikan pusat bandar lebih lestari dan berdaya huni.

"Inisiatif ini mampu mewujudkan lebih 1,300 peluang pekerjaan dan menjana 200 aktiviti yang akan memeriahkan lagi pusat bandar," katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

Geran KL Kreatif kini dibuka untuk permohonan manakala Cabaran Urban KL Kreatif bakal dibuka untuk permohonan pada 19 Jun 2023.

Maklumat lanjut mengenai program Geran KL Kreatif dan Cabaran Urban KL Kreatif boleh didapati menerusi thinkcity.com.my.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh berkata, inisiatif itu membuka peluang kepada masyarakat memainkan peranan penting untuk meremajakan ibu negara sebagai daerah kreatif dan kebudayaan.

"Usaha ini adalah sebahagian daripada MoU ketiga yang ditandatangani baru-baru ini oleh DBKL dan Think City.

"Ia bagi mengukuhkan kerjasama dalam usaha transformasi pusat bandar Kuala Lumpur sebagai sebuah destinasi kreatif, meningkatkan daya huni, menambah baik persekitaran awam dan meningkatkan aktiviti," katanya.